

11/02/1998

Sampah: Denda lebih berat masih dikaji

Shamsul Azree Samshir

KUALA LUMPUR, Selasa - Cadangan mengenakan hukuman lebih berat terhadap orang ramai yang didapati mengotori bandar raya termasuk menjalankan kerja pembersihan di tempat awam masih dikaji terutama dari aspek perundangan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Ibrahim Saad, berkata penguatkuasaan hukuman lebih berat terhadap pengotor bandar raya masih diterima tetapi memerlukan sedikit masa untuk dikaji.

"Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan masih mengkaji cadangan mengenakan denda lebih berat termasuk mengkehendaki mereka yang membuang sampah merata-rata membersihkan sendiri kawasan terbabit."

"Cadangan itu amat baik kerana ia mampu menghindar orang ramai membuang sampah merata-rata atau membuat kotoran lain seperti menconteng dinding," katanya selepas jamuan Aidilfitri anjuran Pusat Rawatan Islam (Pusrawi) di sini, hari ini.

Dr Ibrahim mewakili Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdul Hamid Othman, di majlis itu. Turut hadir, Pengerusi Pusrawi, Datuk Abdul Malek Abdul Aziz dan Ahli Lembaga Pengarah pusat rawatan itu.

Dr Ibrahim berkata, kerajaan akan hanya menguatkuasakan hukuman lebih berat terhadap pengotor bandar raya selepas ia dikaji dengan terperinci.

"Memang ada cadangan menguatkuasakan hukuman itu di kawasan pentadbiran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan pihak berkuasa tempatan yang lain, tetapi ia masih perlu diperhalusi," katanya.

Sebelum ini, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Dr Ting Chew Peh, mengumumkan kementerian sedang mengkaji cadangan menambah bentuk denda dan menaikkan kadar denda yang sedia ada bagi kesalahan membuang sampah di merata tempat.

Cadangan itu termasuk meminta orang ramai yang didapati membuang sampah membersihkan sendiri kotoran terbabit, sebagai usaha memastikan kawasan persekitaran bersih.

Tahun lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pernah menegur kebersihan bandar raya yang dianggap kotor serta memalukan negara.

Sementara itu, Dr Ibrahim berkata, penjualan cat penyembur terutama kepada belia perlu dikawal kerana mereka menggunakan bahan itu untuk mengotori dinding bangunan awam.

"Belia menganggap perbuatan menconteng dinding tempat awam sebagai sesuatu yang `hebat' tetapi perbuatan itu tidak mendatangkan faedah dan perlu dielak," katanya.

(END)